

# Tabung Haji tunggu pelawaan rasmi DPMM



**L**EMBAGA Tabung Haji kemungkinan akan menimbang pelawaan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) berhubung pengambilalihan kepentingan Kulim (Malaysia) Bhd dalam anak syarikatnya, QSR Brands Bhd (QSR) yang mengendalikan rangkaian restoran KFC.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail bagaimanapun berkata, setakat ini pihaknya belum mendapat sebarang pelawaan rasmi daripada DPMM menyatakan minat untuk membentuk pakatan dalam mendapatkan pegangan saham berkenaan.

"Kami belum boleh membuat sebarang kata putus kerana tidak menerima pelawaan rasmi lagi setakat ini.

"Namun, sekiranya ada pelawaan rasmi, kami perlu menilai dan berbincang dengan lembaga pengarah mengenai keputusan yang mungkin dibuat," katanya ketika ditemui di Cyberjaya, semalam.

Baru-baru ini DPMM membuat kenyataan untuk membuat pakatan dengan Tabung Haji atau Felda bagi

mendapatkan semua kepentingan milik Kulim (Malaysia) Bhd dalam QSR.

Presiden DPMM, Syed Ali Alattas, sebelum ini berkata pihaknya akan menjemput Felda dan Lembaga Tabung Haji untuk bersama-sama dengan dewan itu bagi membuat pengambilalihan berkenaan, malah sanggup membayar pada harga tawaran sama yang dikemukakan Massive Equity Sdn Bhd (MESB) iaitu RM6.80 sesaham atau lebih tinggi iaitu pada RM6.90 sesaham.

DPMM yakin pengambilalihan itu akan menguntungkan semua pihak kerana ia akan membabitkan nilai lebih rendah iaitu kira-kira RM1 bilion berbanding nilai keseluruhan tawaran MESB bagi pengambilalihan QSR dan KFCH pada RM5.2 bilion.



*"Sekiranya ada pelawaan rasmi, kami perlu menilai dan berbincang dengan lembaga pengarah mengenai keputusan yang mungkin dibuat"*

>Datuk Ismee Ismail